

13 FEB 2003

Buniamin-Meninggal

BUNIAMIN MENINGGAL DUNIA AKIBAT SAKIT BUAH PINGGANG

KOTA BAHARU, 13 Feb (Bernama) -- Bekas anggota Parlimen Bachok, Buniamin Yaacob meninggal dunia akibat sakit buah pinggang di Hospital Kota Baharu (HKB) di sini, hari ini.

Buniamin, 56, yang juga pegawai penerangan PAS Kelantan meninggal dunia kira-kira pukul 6 pagi setelah dimasukkan ke wad hospital berkenaan sejak dua minggu lepas.

Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan Wan Ismail Wan Jusoh ketika dihubungi berkata Allahyarham sering keluar masuk HKB untuk rawatan penyakitnya sejak tahun lepas.

Allahyarham menjadi anggota Parlimen Bachok selama dua penggal pada 1990 dan 1995.

Katanya turut berada di sisi Allahyarham ketika beliau menghempuskan nafas terakhirnya ialah isteri keduanya, Norhayati Ibrahim.

Jenazah Allahyarham akan dikebumikan tengah hari ini di Tanah Perkuburan Islam Kampung Keting, Gunong, Bachok.

Buniamin pernah terbabit dalam kontroversi menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya (perdana menteri) dan telah didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada 19 Sept tahun lepas, atas tuduhan memfitnah Dr Mahathir.

Beliau mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan bagaimanapun perbicaraannya beberapa kali terpaksa ditangguhkan kerana uzur.

-- BERNAMA

BD RON